

Literasi abad 21 Bahagian 1/6



Dr. Ali Qassem
www.aliqassem.com

Kamus Oxford dan kamus lain mendefinisikan literasi atau celik huruf sebagai, "Keupayaan untuk membaca dan menulis." Namun, dalam dunia kini sekadar literasi sahaja tidak memadai.

Dunia telah berubah and ia akan terus berubah. Dunia kini penuh dengan ciptaan teknologi canggih dan pelbagai rekacipta yang di luar jangkaan kita. Peralatan misalnya telefon bimbit, kita membelinya hari ini, esok sudah dianggap ketinggalan zaman. Kita semua memerlukan lebih daripada keupayaan menulis, membaca atau bercakap untuk membolehkan kita hidup dalam dunia kini.

Kita hidup dalam abad 21. Ini bermakna kita perlu hidup, berlatih, belajar, berfikir dan melakukan sesuatu seperti yang dikehendaki dalam abad ini.

Untuk berjaya di abad ini, seseorang perlu memiliki literasi abad 21; perlu menjadi seorang perekacipta, seorang yang petah berkomunikasi dan mempunyai produktiviti tinggi.

Literasi hari ini mempunyai pelbagai definisi tetapi pada umumnya ia merangkumi ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang-bidang yang berlainan.

United Nations Educational, Scientific dan Cultural Organization (UNESCO) mendefinisikan literasi sebagai, "Keupayaan untuk mengenalpasti, memahami, mentafsir, mencipta, menyampaikan, mengira dan menggunakan bahan-bahan bercetak dan bertulis yang dikaitkan dengan konteks yang berbeza-beza. Literasi melibatkan suatu pembelajaran berterusan yang membolehkan individu untuk mencapai matlamat mereka, untuk membangunkan pengetahuan dan potensi mereka, dan untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam masyarakat."

Definisi lain untuk literasi adalah, "Keupayaan untuk membaca, menulis dan menutur dalam Bahasa Inggeris. Kegunaannya adalah untuk menyelesaikan masalah pada tahap kecekapan yang diperlukan di tempat kerja dan dalam masyarakat untuk mencapai matlamat.

Knowles, Kinzer pula mendefinisikan literasi sebagai sesuatu yang mengembangkan pengetahuan dan potensi. Literasi adalah untuk menguasai alat-alat komunikasi atau rangkaian untuk mengakses, mengurus, mengintegrasikan, menilai, dan mewujudkan maklumat agar menyumbang masyarakat.

Pada masa lalu, lima atau enam dekad yang lalu, terutamanya di negara-negara membangun, seseorang yang hanya mempunyai kelulusan peperiksaan sekolah menengah layak dilantik sebagai seseorang yang berjawatan tinggi dan dia mungkin dianggap berpendidikan tinggi.

Hari ini, ramai graduan lulusan universiti pun tidak dapat memperolehi pekerjaan. Menurut laman web Kementerian Sumber Manusia, terdapat 69.760 graduan Malaysia telah berdaftar dengan laman JobsMalaysia tahun lepas, dan jumlah ini sebenarnya tidak memberikan statistik yang tepat tentang kadar pengangguran siswazah.

Menurut Datuk Mukhriz Tun Mahathir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam akhbar The Star, 14 Ogos 2009 (Jumaat), kadar pengangguran mungkin akan meningkat sebanyak 4.5% pada akhir tahun 2010. Malaysia mempunyai Malaysia mempunyai lebih kurang 11 juta populasi yang bekerja; ini bererti terdapat lebih daripada setengah juta orang yang menganggur.

Pada hari ini, untuk mendapatkan pekerjaan, mengekalkan pekerjaan itu serta dapat menyumbang kepada masyarakat, anda memerlukan pelbagai jenis kemahiran yang berbeza yang diperlukan oleh anda dalam menempuhi abad ke-21.

Dengan itu, langkah paling penting adalah kesanggupan anda melaburkan masa, wang dan tenaga anda dengan memperolehi pelbagai kemahiran serta maklumat bagi mengembangkan potensi agar anda boleh menjadi orang yang literasi abad 21.

Literasi abad 21 termasuklah literasi asas, literasi saintifik, literasi ekonomi, literasi teknologi, literasi maklumat, literasi visual, literasi kepelbagaian budaya dan kesedaran global.

Bersambung...